

21 JUN 2000

Mahathir-G15

G15 SEMAKIN SERIUS HADAPI ANCAMAN GLOBALISASI

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

KAHERAH, 21 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) kini semakin serius mahu bekerjasama dalam menangani isu globalisasi kerana khuatir dikuasai oleh negara-negara maju.

Perdana Menteri berkata para pemimpin G15 pada sidang kemuncak ke-10 mereka di sini telah memberikan perhatian kepada isu seperti itu yang dulunya dipandang ringan oleh mereka.

"Saya fikir G15 kali ini lebih bermakna dan nampak mereka betul-betul khuatir tentang kemungkinan dipinggir oleh kuasa-kuasa besar," katanya kepada wartawan Malaysia selepas mengadakan pertemuan dengan para pelajar Malaysia di sini hari ini.

Dr Mahathir merupakan antara sembilan ketua kerajaan yang menghadiri sidang kemuncak dua hari itu yang berakhir semalam. Lima negara diwakili naib presiden dan tiga lagi oleh menteri luar.

Beliau berkata banyak negara berhasrat menyertai kumpulan itu yang kini membesar dengan penyertaan Iran dan Colombia untuk menjadikan jumlah anggotanya sebanyak 19.

"Kita tak hendak yang masuk terlampau banyak. Kita lebih suka kalau yang masuk itu lebih komited kepada G15," katanya ketika ditanya sama ada penambahan anggota akan menguatkan G-15.

Dibentuk pada 1989, kumpulan itu mengadakan sidang kemuncaknya yang pertama di Kuala Lumpur setahun kemudian.

Ketika diminta mengulas bahawa globalisasi menggugat negara anggota, Dr Mahathir berkata isu itu dan kesannya belum dapat difahami sepenuhnya.

"Terdapat permintaan agar kita menyediakan mereka dengan maklumat dan kita akan mengedar satu kertas kerja yang ditulis oleh Martin Khor kerana ia merupakan kajian menyeluruh tentang kesan globalisasi terhadap negara membangun," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin yang menghadiri sidang kemuncak itu selain memberi ceramah di Universiti Kaherah tentang kejayaan Malaysia menangani krisis kewangan yang melanda Asia tidak lama dahulu.

Dalam pertemuannya dengan Perdana Menteri Mesir Dr Atef Ebeid pagi ini, Dr Mahathir berkata kedua-dua negara bersetuju mengadakan hubungan secara istimewa terutama dalam menggalakkan perdagangan.

"Kita bersetuju diadakan Rumah Malaysia di Kaherah yang akan mempamerkan barangan Malaysia manakala Egypt House akan juga diadakan di Kuala Lumpur untuk mempamerkan barangan Mesir," katanya.

Menurutnya, Malaysia juga akan terus menjalin hubungan rapat dengan Universiti Al-Azhar yang kini mempunyai hampir 5,700 pelajar dari Malaysia mengikuti pengajian Islam dan bahasa Arab.

Para penuntut Malaysia itu adalah kumpulan pelajar asing paling ramai menuntut di universiti itu yang merupakan antara institusi pengajian tinggi tertua di dunia.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, kemudian berlepas ke Itali untuk lawatan peribadi sebelum kembali ke tanah air pada 26 Jun.

-- BERNAMA

AZZ MAI